

“

Saya percaya watak Badang ini wujud dalam diri setiap rakyat Singapura, iaitu terus berusaha dan maju.

– Encik Rizman Putra, pemegang watak ‘Badang’



LEGENDA Badang merupakan cerita rakyat Melayu yang popular dan wujud sejak 1800-an.

Kisah itu dipilih bagi dihidupkan semula dalam bahagian pertunjukan Perbarisan Hari Kebangsaan (NDP) tahun ini, dengan memaparkan kekuatan, keberanian dan semangat wira yang tidak mudah luntur itu.

Itu juga mencerminkan kekuatan dan semangat Singapura semasa berhadapan dengan pelbagai kesukaran mahupun cabaran selama ini.

Dalam persembahan berjudul *Badang dan Batu Singapura*, watak Badang dimainkan penggiat seni, Encik Rizman Putra Ahmad Ali, 38 tahun.

Kisah itu menceritakan Badang, seorang nelayan muda, yang berjaya menewaskan hantu dan meraih kuasa luar biasa bagi membantu orang kampung.

Menurut *Sejarah Melayu*, Badang juga melontar batu besar sehingga menyekat laluan air di muara Sungai Singapura semasa beradu kekuatan dengan orang kuat raja dari Kalinga, yang terletak di India Selatan ketika itu.

Batu itu diletupkan penjajah Inggeris pada 1843 bagi memberi laluan kepada pembangunan. Sekarang, yang tinggal hanya serpihannya yang dipamerkan di Muzium Negara.

Watak Badang dalam persembahan itu ‘dicabar’ oleh sekumpulan penyerang, yang merupakan peserta Martial House, Dance Inspiration, Persatuan Silat Singapura (Persisi) dan Angkatan Bersenjata Singapura (SAF).

Selain kostum berwarna-warni dan aksi lincah, penonton dihiburkan dengan aksi Badang ‘terbang’ sehingga 30 meter untuk memecahkan batu besar – melambangkan

Batu Singapura – sehingga ia pecah menjadi lapan bahagian. Detik kemenangan ini mencerminkan kekuatan, ketangkasan dan semangat Badang.

“Saya percaya watak Badang ini wujud dalam diri setiap rakyat Singapura, iaitu terus berusaha dan maju,” kata Encik Rizman, yang telah berlatih bagi persembahan itu sejak lebih lima bulan lalu, termasuk sepanjang Ramadan.

Beliau juga berharap persembahan itu dapat menggalak dialog antara golongan muda dan tua di Singapura, lebih-lebih lagi kerana sesetengah ibu bapa dan generasi lebih tua yang tahu tentang legenda itu boleh menceritakannya kepada mereka yang lebih muda dan tidak mengetahui kisah tersebut.

“Cerita ini sangat penting, tapi sesetengah orang sudah melupakannya. Saya pasti persembahan Badang dapat mewujudkan interaksi dan hubungan yang lebih mendalam antara dua generasi itu,” ujarnya.

Menurut buku cenderahati yang diberikan kepada penonton, sedang anak watan ghairah menulis babak baru dalam kisah Singapura, setiap warga juga tidak boleh lupa akan pengalaman masa silam yang telah membentuk masyarakat Singapura hari ini.

Misalnya, warga boleh meraih inspirasi daripada warisan negara yang cukup kaya bagi mempersiapkan diri mengharungi cabaran pada hari muka.

Sebagai contoh dalam kisah Badang, beliau menggunakan kekuatannya bagi membantu orang ramai.

Dalam video yang dipaparkan juga, ini boleh dilakukan warga hari ini, iaitu menggunakan kekuatan mereka bagi membawa negara ke tahap lebih tinggi tanpa meninggalkan sesiapa di belakang.

**BADANG TERBANG:** Encik Rizman Putra, yang memainkan watak Badang, menghiburkan penonton dengan aksi terbangnya sambil mengangkat batu di tengah-tengah Stadium Negara.



**HANGATKAN SUASANA:** Seorang peserta menari dengan api sebagai sebahagian pertunjukan Badang. – Foto JAWATANKUASA NDP 2016